

Larangan menjadikan orang kafir teman rapat

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian, maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti daripada pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyiksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali. (Ali-Imran: 28)*



'CUBIT paha kiri, paha kanan turut terasa sakitnya.' Peribahasa inilah yang sepatutnya diaplikasikan terhadap nasib umat Islam lain, waima berbeza negara, warna kulit dan bangsa. - Gambar hiasan

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

ALLAH SWT memberi peringatan kepada Nabi-Nya dan kaum mukminin agar berlindung kepada-Nya, di samping mengakui bahawa di tangan-Nyalah terletak segala kekuasaan, kemuliaan dan kekuasaan yang mutlak dalam menjarikan segala urusan di alam semesta ini, kerana Dia sahajalah yang berkuasa memberi atau menahan sesuatu kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki.

Lalu dalam ayat ini, Allah SWT telah memberi petunjuk kepada mereka bahawa seseorang itu akan berada di dalam tipu daya seandainya mereka menganggap dirinya dapat menjadi mulia tanpa pertolongan Allah SWT serta mencari perlindungan selain daripada-Nya.

Ahli sejarahwan telah meriwayatkan bahawa sebahagian mereka yang dahulunya masuk Islam kerana terpedaya oleh kegagahan dan kekuatan orang kafir, tidak lama kemudian mereka terus meninggalkan Islam dan memihak kepada mereka. Hal seperti ini bukan dianggap aneh kerana ia sudah menjadi tabiat manusia.

Sebab Nuzul

Terdapat banyak sebab nuzul antaranya:

Pertama: Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas, bahawa beliau berkata: "Sesungguhnya Hajjaj Ibnu Amr, Ibnu Abu Harqayh dan Qays Ibnu Zaid menjadikan orang Yahudi yang berkawar baik dengan beberapa orang Ansar.

Mereka ini suka mengganggu agama orang Ansar. Maka Rifa'ah Ibnu Mundhir, Abdullah Ibnu Juabair, dan Saad Ibnu Khaithamah daripada orang Ansar ini berkata: "Jauhilah orang

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

Yahudi itu." Tetapi beberapa orang Ansar enggan, bahkan mereka masih berkawan baik dengan orang Yahudi itu lalu turunlah ayat ini.

Kedua: Riwayat Ibnu Jarir, Ibnu Mundzir dan Ibnu Hafim menyatakan: "Bahawa tafsir ayat ini ialah Allah SWT melarang orang-orang yang beriman bersikap lemah-lembut terhadap orang kafir dan mengambil mereka sebagai teman akrab melebihi sesama beriman, kecuali orang kafir tersebut lebih kuat daripada mereka yang beriman. Oleh yang demikian, tidak mengapa memperlihatkan sikap lunak tetapi hendaklah diperlihatkan perbezaan agarna terhadap mereka yang kafir.

Ketiga: Ubadah bin al-Somit dan sekutunya di kalangan Yahudi berkata kepada Nabi SAW pada hari peperangan Ahzab: "Hai Rasulullah SAW, sesungguhnya bersamaku 500 orang Yahudi dan aku mahu menggunakan mereka untuk menzahirkan kekuatan pada hari Ahzab lantas turunnya ayat ini.

Iktibar dan fiqh ayat:

- Ibnu Kathir berkata: "Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya yang beriman daripada menjadikan orang kafir sebagai wali mereka sehingga menzahirkan kasih sayang dan tidak kepada orang yang beriman."
- Ibnu Abbas berkata: "Allah SWT melarang orang beriman beramah mesra dengan golongan kafir sehingga menjadikan mereka auliya berdasarkan firman Allah SWT

dalam surah Ali-Imran ayat 118 yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telah pun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.*

- Al-Qurtubi berkata: "Ada pendapat menyatakan orang yang beriman jika berada di kalangan orang yang kafir sehinggalah terpaksa berkata dengan ucapan kafir sedangkan hatinya tenang dengan keimanan, ia masih tidak dianggap kafir."
- Al-Mawaghi berkata: "Bahawa satu keharusan bagi orang mukmin tidak mengambil teman rapat daripada orang kafir dalam keadaan apa jua pun, kecuali kerana takut adanya sesuatu bahaya yang dirancang oleh mereka. Maka pada saat seperti itu kamu boleh berjaga-jaga sekadar untuk menyelamatkan keadaan kamu daripada bahaya itu kerana menurut kaedah syarak: "Menolak bahaya harus didahulukan daripada mendapat keuntungan."
- Syaikh Sya'rawi berkata: "Apabila kita memerhatikan bahawa wilayah kadang-kadang disandarkan kepada Allah SWT dan kadang-kadang kepada makhluk Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT wali orang yang beriman. Perkaranya adalah difahami dan kadang-kadang kita bertanya bagaimana orang beriman

menjadi wali Allah SWT? Jawabnya: "Kita mampu memahami makna ini seperti berikut: Sesungguhnya Allah SWT adalah penolong kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, maka jadilah Allah SWT sebagai wali kepada mereka yang beriman iaitu menolong dan menguatkan mereka. Sedangkan auliya' Allah ialah mereka yang menolong Allah SWT lantas Allah SWT menolong mereka. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 7 yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu menibela (agama) Allah nescaya Allah membeia kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.*

● Mu'hamad Quraish Shihab berkata: "Ayat ini melarang orang-orang mukmin menjadikan orang-orang kafir sebagai penolong mereka, kerana jika seorang mukmin menjadikan mereka penolong, maka itu berarti orang mukmin dalam keadaan lemah padahal Allah SWT enggan melihat orang beriman dalam keadaan lemah. Itu akibat paling sedikit."

Ayat ini apabila difahami dengan jelas dan diperhalusinya maka jelaslah kepada kita betapa pentingnya orang yang beriman, apatah lagi yang benar-benar istiqamah dengan agama Allah SWT di samping melarang dengan keras supaya kita jangan mengambil mudah dalam ini wilayah.

Allah SWT menutup ayat ini dengan menyedarkan kita bahawa segala kesudahan akan kembali kepada-Nya. Justeru, marilah kita kembali kepada-Nya dengan bertakwa, beriman dan menaati-Nya selagi nyawa dikandung badan. Semoga kita menjadi hamba-Nya yang benar-benar patuh dan taat kepada-Nya.